

17 SEP 1998

PEMUDA UMNO MEMPERTAHANKAN PEMIMPIN AWAL

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Pemuda Umno kesal dengan tohmahan terhadap pemimpin-pemimpin Umno dalam buku riwayat bekas Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew lebih-lebih lagi kerana mereka telahpun kembali ke rahmatullah dan tidak dapat mempertahankan nama baik mereka.

Naib pengerusi pergerakan itu Datuk Hishamuddin Hussein berkata, tokoh-tokoh Umno seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tan Sri Syed Jaffar Albar dan juga tokoh MCA Tun Tan Siew Sin berusaha gigih untuk membentuk sebuah negara majmuk yang dinamik.

"Kesemua empat-empat mereka berusaha gigih untuk membentuk sebuah negara tanpa batasan kaum, agama, dan kelas sosial yang rakyatnya hidup dalam harmoni dan kemakmuran bersama jiran mereka," kata beliau dalam satu kenyataan.

"Bagaimanapun, pemuda UMNO, sebagai sebuah pergerakan yang bertanggungjawab memahami sentimen yang diutarakan oleh Lee dan menganggapnya ia pandangan seorang yang kecewa dan bukan pandangan rakyat Singapura," kata Hishamuddin.

Sementara itu seorang anggota jawatankuasa pusat Parti Gerakan, Dr S.Vijayarajam hari ini meminta Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong untuk menjauhkan kerajaan republik itu daripada kenyataan Lee dalam buku itu.

Beberapa pemimpin Malaysia, termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membidas Lee kerana kenyataannya itu dalam buku "The Singapore Story: Memoirs of Lee Kuan Yew".

Lee yang juga Menteri Kanan Republik itu antara lain menuduh Malaysia sebagai membuli dan mengugut republik itu semasa ia berada dalam Persekutuan Malaysia selama dua tahun sebelum ia keluar dari Malaysia pada 1965. Beliau juga menuduh Umno sebagai dalang di sebalik rusuhan kaum di republik itu pada 1964.

-- BERNAMA

AKT PR